

'Pasukan Baharu' Akan Bawa Agenda Transformasi Najib - Prof Madya Bernama
17 April, 2013

JOHOR BAHRU, 17 April (Bernama) -- Sebagai usaha untuk memenangi hati dan minda generasi muda yang merupakan pengundi kali pertama, Barisan Nasional (BN) telah mengumumkan sejumlah calon muka baharu pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) pada 5 Mei.

Pakatan pembangkang turut tidak terkecuali dengan turut meletakkan barisan calon muka baharu.

Dr Farish A Noor, Profesor Madya bagi Program Islam Kontemporari, S. Rajaratnam School of International Studies (RSIS), Nanyang Technological University (NTU) berkata:

"Hakikat bahawa terdapat banyak muka baharu menunjukkan kedua-dua pihak iaitu BN dan pakatan pembangkang cuba memberikan imej yang mereka melakukan perubahan dan mengambil kira aspirasi dan kehendak generasi muda terdiri pengundi pertama kali dan pengundi atas pagar.

"Ini terbukti benar bagi BN, yang telah membariskan banyak calon muka baharu yang tidak pernah dilihat (sebelum ini) dan mungkin, ini sebahagian "pasukan baharu" untuk membawa agenda transformasi Perdana Menteri (Datuk Seri) Najib (Tun) Razak," katanya kepada Bernama.

Farish, rakyat Malaysia, diminta mengulas langkah BN memperkenalkan banyak muka baharu, bukan sahaja bagi kawasan Dewan Undangan Negeri tetapi juga Parlimen dalam PRU13.

Untuk menawan negeri-negeri ditadbir pembangkang seperti Selangor dan Kedah, beliau berkata BN telah membariskan sehingga 80 peratus dan 50 peratus calon baharu, masing-masing di Selangor dan Kedah.

"Kempen pada pilihan raya ini amat fokus, dengan kedua-dua pihak berjanji untuk memenuhi keperluan ekonomi rakyat secara menyeluruh".

Pada Selasa, dalam usaha untuk merampas semula negeri Selangor daripada pembangkang, Najib, yang juga Pengerusi BN Selangor, mengumumkan BN akan membariskan 80 peratus muka baharu, terdiri daripada profesional dan individu berwibawa di negeri itu pada PRU13.

BN Kedah akan mempunyai 50 peratus muka baharu manakala Kelantan mengumumkan barisan calon terdiri 25 muka baharu dan kalangan veteran.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942934>